

20 FEB 1998

Australia-Yuran

UNIVERSITII AUSTRALIA SEDIA BANTU PELAJAR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Dengan kejatuhan nilai ringgit, beberapa universiti Australia telah membantu sebilangan besar daripada 14,000 pelajar Malaysia dengan menanggungkan pembayaran yuran.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia Robert Cotton berkata langkah lain yang dilakukan termasuk menempatkan mereka di bawah skim pinjaman universiti.

"Jadi bukan hanya satu jalan penyelesaian, terdapat banyak jalan," katanya apabila ditanya tentang langkah yang diambil kerajaan Australia untuk meringankan masalah kewangan yang dihadapi pelajar Malaysia di sana berikutan kejatuhan nilai ringgit berbanding matawang utama seperti Amerika Syarikat.

Dalam temubual dengan Bernama di sini semalam, Cotton berkata universiti-universiti di Australia sedar tentang kesusahan yang dihadapi pelajar Malaysia dan sedang mengambil langkah yang wajar untuk mengurangkan bebanan mereka.

"(Tetapi) banyak bergantung kepada kemampuan institusi berkenaan dan kerajaan-kerajaan negeri itu," katanya.

Katanya Australia dan Malaysia telah lama mempunyai hubungan yang kukuh dalam bidang pendidikan.

Masalah para pelajar tersebut dijangka akan dibangkitkan ketika pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Australia John Howard yang akan mengadakan lawatan dua hari ke Malaysia bermula Isnin ini.

Menurut laporan universiti-universiti di New Zealand juga memperkenalkan langkah yang serupa bagi pelajar Malaysia dan dari negara Asia yang lain.

Cotton berkata semasa lawatan Howard di sini, beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) dijangka ditandatangani antara kerajaan dan antara sektor swasta kedua-dua negara.

Satu daripada perjanjian itu akan ditandatangani antara Sunway College dan Universiti Monash Australia untuk menubuhkan lebih banyak kampus cawangan di negara ini.

Cotton berkata dengan penubuhan lebih banyak kampus di Malaysia, rakyat Malaysia akan menikmati bayaran yuran yang lebih berpatutan.

Mengenai Korodor Raya Multimedia (MSC), Cotton berkata beberapa firma Australia telah menunjukkan minat untuk menyertai projek itu.

Beliau juga berkata Howard akan diberi taklimat mengenai dua syarikat Australia yang telah diberi status MSC. -- BERNAMA

ES NN NMO